

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DAN EKSA KENDIRI

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
1.	Berapa lama tempoh pensijilan EKSA?	Tempoh sah laku sijil EKSA adalah selama dua (2) tahun.
2.	Bagaimanakah cara untuk Jabatan/Agensi memohon untuk mendapatkan pensijilan EKSA?	Jabatan/Agensi yang berminat dan bersedia untuk mendapatkan pensijilan EKSA perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada MAMPU, bersama-sama laporan audit dalam yang dibuat sebanyak dua (2) kali serta mencapai purata markah 80% ke atas. Tempoh masa antara audit dalam pertama dan audit dalam kedua mestilah 3 bulan.
3.	Adakah pensijilan EKSA dibuka untuk agensi swasta?	Tidak. Pensijilan EKSA hanya diberikan kepada Jabatan/Agensi di sektor awam.
4.	Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk memperoleh pensijilan EKSA?	Tiada sebarang bayaran dikenakan ke atas Jabatan/Agensi yang berminat untuk memohon pensijilan EKSA. Namun begitu, MAMPU memohon kerjasama setiap Jabatan/Agensi yang bercadang mendapatkan pensijilan EKSA untuk menanggung kos logistik pegawai/pasukan juruaudit EKSA yang terlibat.
5.	Bagaimanakah cara untuk Jabatan/Agensi memulakan gerak kerja untuk melaksanakan EKSA?	Jabatan/Agensi boleh mendapatkan khidmat rundingan daripada Champion EKSA MAMPU yang merupakan pegawai sektor awam yang telah dilantik oleh MAMPU dan diberi tanggungjawab untuk

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
		memberikan taklimat berkenaan EKSA.
6.	Adakah sebarang bayaran sekiranya ingin menggunakan khidmat <i>Champion</i> EKSA?	Bayaran adalah tertakluk kepada pekeliling yang berkuat kuasa berkenaan bayaran penceramah dan dibayar menggunakan peruntukan agensi.
7.	Apakah itu EKSA Kendiri/ <i>Do-It-Yourself</i> (DIY)?	<p>Program EKSA telah diperluaskan pemakaiannya dengan memperkenalkan EKSA Kendiri/ DIY.</p> <p>Secara prinsipnya, program EKSA merupakan satu program penilaian yang dilaksanakan oleh MAMPU ke atas Agensi Induk. Manakala, program EKSA Kendiri merupakan satu program penilaian sendiri yang dilaksanakan oleh Agensi Induk terhadap agensi di bawah seliaannya.</p>
8.	Apakah itu Agensi Induk dan Agensi Seliaan?	<p>i. Agensi Induk merujuk kepada agensi sektor awam kategori Kementerian, Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APJU), Agensi Barisan Hadapan (ABH) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK); dan</p> <p>ii. Agensi Seliaan merujuk kepada Jabatan/Agensi/cawangan/ daerah di bawah seliaan Agensi Induk.</p>
9.	Bagaimanakah cara untuk Agensi Seliaan memohon untuk mendapatkan pensijilan EKSA Kendiri?	Agensi Seliaan yang berminat dan bersedia untuk mendapatkan pensijilan EKSA Kendiri perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada Agensi Induk.

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
		<p>Dalam hal ini beberapa kriteria seperti berikut perlu dipenuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Agensi Induk hendaklah memperoleh pensijilan EKSA kategori CEMERLANG iaitu memperoleh markah 90% dan ke atas; ii. status pensijilan EKSA Agensi Induk adalah aktif (semasa mengemukakan permohonan pelaksanaan EKSA Kendiri kepada MAMPU); iii. sekiranya status pensijilan EKSA Agensi Induk telah tamat, Agensi Induk masih dibenarkan melaksanakan EKSA Kendiri terhadap Agensi Seliaan dengan syarat Agensi Induk hendaklah memperbaharui pensijilan EKSA dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh sijil tamat; dan iv. segala perbelanjaan adalah ditanggung oleh Agensi Seliaan (logistik/khidmat nasihat).
10.	Agensi manakah yang akan mengeluarkan pensijilan EKSA dan EKSA Kendiri?	Pensijilan EKSA dan EKSA Kendiri ke atas Agensi Induk dan Agensi Seliaan dikeluarkan oleh MAMPU.
11.	Bilakah <i>Champion</i> EKSA dan EKSA Kendiri perlu mengemukakan laporan dokumen pembuktian pelaksanaan aktiviti kepada pihak MAMPU?	<i>Champion</i> EKSA dan EKSA Kendiri perlu mengemukakan laporan dokumen pembuktian pelaksanaan aktiviti kepada pihak MAMPU Ibu Pejabat dua kali setahun iaitu pada minggu terakhir bulan Jun dan minggu terakhir bulan Disember selepas setahun pentauliahan diberikan dengan menggunakan

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
		<p>template pelaporan yang disediakan di portal MAMPU.</p> <p><i>Champion</i> EKSA dan EKSA Kendiri hendaklah mengemukakan dokumen pembuktian kepada MAMPU Ibu Pejabat dua (2) kali setahun iaitu pada minggu terakhir bulan Jun dan minggu terakhir bulan Disember berkaitan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberi khidmat nasihat dan sebagai juruaudit dalam kepada Agensi Induk. ii. Memberi khidmat nasihat, sebagai juruaudit dalam dan juruaudit pensijilan EKSA Kendiri terhadap Agensi Seliaan. <p>Pelaporan adalah secara dalam talian menggunakan Google Form yang disediakan oleh urus setia EKSA MAMPU dan akan dihebahkan menerusi portal MAMPU sebaik sahaja dikemaskini.</p> <p><i>Google Form</i> beserta format pelaporan disediakan secara atas talian.</p> <p>https://forms.gle/hGEpfyRbicV5XLD6</p>
12.	Adakah MAMPU wajib melaksanakan audit ke atas agensi seliaan yang telah diaudit oleh Agensi Induk?	<p>MAMPU memberikan keutamaan untuk mengaudit ke atas agensi induk. MAMPU tidak wajib mengaudit agensi seliaan namun boleh membuat naziran sekiranya ada isu berkaitan pengauditan oleh Agensi Induk.</p>

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
13.	Adakah pertambahan tempoh masa (hari) pengauditan dibenarkan sekiranya bilangan juruaudit tidak mencukupi?	Pertambahan hari adalah dibenarkan sekiranya jumlah juruaudit tidak mencukupi bagi jumlah zon yang besar.
14.	Sekiranya agensi induk/seliaan mempunyai lebih daripada 30 Zon EKSA adakah permohonan pengauditan pensijilan boleh diteruskan?	Agensi dimohon untuk membataskan jumlah zon kepada 30 sahaja bagi tujuan pengauditan.
15.	Audit dalam perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh masa berapa lama (setahun/dua tahun)?	Audit dalam untuk persijilan semula dijalankan selepas penyediaan laporan sendiri (1 tahun). Ini bermaksud audit dalam dijalankan dalam tempoh kurang dari setahun (sebelum sijil EKSA luput tempohnya).
16.	Sekiranya terdapat kes audit dalam memperoleh markah di bawah 80%, adakah audit dalam ini akan diambil kira dalam bilangan audit dalam yang wajib dilaksanakan dalam tempoh setahun/dua tahun?	Agensi digalakkan untuk mencapai keputusan audit dalam 80% secara purata sebelum membuat permohonan audit EKSA atau bagi tujuan memperbaharui pensijilan EKSA.
17.	Adakah pemakluman dan pengesahan penerimaan laporan audit pensijilan agensi induk/seliaan dilaksanakan bersekali dengan makluman awal status pensijilan EKSA/EKSA Kendiri (layak atau tidak layak dipersijilkan)?	Pemakluman keputusan awal kelayakan pensijilan diberi selepas penerimaan laporan penambahbaikan daripada agensi dalam tempoh 3 hari.
18.	Sekiranya kementerian/agensi pusat/jabatan utama/agensi barisan hadapan/pejabat setiausaha kerajaan negeri mendapat pensijilan EKSA Kategori Cemerlang dan melaksanakan EKSA Kendiri, tetapi belum mempunyai <i>champion</i> yang ditauliahkan oleh MAMPU, adakah MAMPU akan mengaudit agensi seliaan kementerian/agensi pusat/jabatan utama/agensi barisan	Pengauditan terhadap agensi seliaan boleh diketuai oleh Champion EKSA dari agensi lain dengan dibantu oleh juruaudit daripada agensi induk tersebut.

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
	hadapan/pejabat setiausaha kerajaan negeri tersebut?	
19.	<p>i) Agensi perlu mendapat berapa kali pensijilan cemerlang sebelum memohon untuk melaksanakan EKSA Kendiri?</p> <p>ii) Sekiranya agensi tidak mendapat cemerlang, bolehkah mereka mohon laksanakan EKSA Kendiri?</p>	<p>Agensi boleh melaksanakan Audit EKSA Kendiri selepas mendapat pensijilan tahap 'CEMERLANG' sama ada bagi pensijilan baharu (kali pertama) atau pensijilan semula.</p> <p>Tidak boleh. Agensi Induk perlu memperoleh pensijilan tahap 'CEMERLANG' bagi membolehkan agensi tersebut menjalankan audit ke atas agensi seliaan.</p>
20.	Sekiranya sijil EKSA agensi Induk telah tamat tempoh melebihi 6 bulan, adakah mereka masih boleh laksanakan EKSA Kendiri? Berapa lama tempoh maksimum diberikan oleh Agensi Induk untuk memperbaharui sijil EKSA?	Tidak boleh. Agensi Induk perlu mempunyai sijil CEMERLANG yang aktif
21.	Adakah Agensi Induk/Seliaan perlu menghantar laporan sendiri pada tahun kedua dan tahun seterusnya sekiranya mereka tidak sempat memperbaharui sijil mereka selepas tamat tempoh sah laku sijil.	Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2022, agensi dikehendaki untuk menghantar Laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU setahun selepas tarikh pensijilan EKSA & EKSA Kendiri. Agensi dimohon untuk mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) Laporan Audit Dalam selepas 2 tahun pensijilan agensi.
22.	Sekiranya selepas 3 tahun atau sebelum tamat 3 tahun, champion eksa tidak ingin menjadi champion eksa, adakah champion perlu maklumkan kpd mampu berkenaan penolakan tersebut?	Champion EKSA & EKSA Kendiri perlu mengemukakan surat rasmi kepada MAMPU untuk membatalkan pentauliahan sebagai <i>champion</i> dengan kelulusan Ketua Jabatan.

Bil.	Soalan / Syor	Ulasan BPP2
23.	<p>Adakah setiap agensi seliaan perlu mendapat kelulusan daripada Induk baru boleh melaksanakan audit EKSA?</p> <p>Contohnya agensi induk belum mendapat sijil EKSA tapi agensi seliaan dah lama mengamalkan EKSA dan sekiranya agensi induk tidak meluluskan permohonan agensi seliaan atau permohonan tidak mendapat keputusan daripada agensi induk, adakah agensi tersebut boleh mendapatkan audit EKSA daripada MAMPU?</p>	<p>Sila rujuk <i>Lampiran 2</i> dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2022 yang menerangkan beberapa scenario berhubung pensijilan EKSA & EKSA Kendiri.</p>

Disediakan oleh:

**Seksyen Penarafan MyGPI dan Pensijilan EKSA
Bahagian Perundingan Pengurusan 2
MAMPU, Jabatan Perdana Menteri**

12 Julai 2023